



Tatacara Memproses Permohonan Pembaharuan Permit IPA Jenis B, C, D dan E

1. Kelayakan untuk membaharui permit adalah seperti tertakluk dalam Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Permit) 2007 di bawah subkaedah 3(1) seperti berikut:
 - Syarikat yang diperbadankan di Malaysia;
 - Individu warganegara atau pemastautin tetap Malaysia;
 - Orang atau golongan orang yang ditentukan oleh Suruhanjaya sebagai layak; dan
 - Memegang perakuan pendaftaran yang diperlukan sebagai kontraktor berdaftar yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) [*diwajibkan bagi permit IPA Jenis C*] jika ditetapkan oleh Suruhanjaya.

2. Permohonan berasingan bagi setiap kategori kerja hendaklah dikemukakan. Pemohon juga dikehendaki menyatakan tujuan permit samada bagi menjalankan kerja-kerja sistem bekalan air atau sistem bekalan pembedung ataupun kedua-duanya.

3. Setiap permohonan permit IPA yang diterima akan disemak dengan menggunakan borang senarai semak (*checklist B,C,D,dan E*) yang bersesuaian dengan jenis permohonan bagi memastikan permohonan adalah lengkap.
4. Maklumat-maklumat/dokumen lain yang di perlukan adalah:

- **PERMIT IPA JENIS B**

Bagi menjalankan apa-apa kerja yang perlu untuk menyambungkan paip sambungan persendirian ke pemetungan atau tempat rawatan kumbahan.

- (i) Borang 24, 49, dan 44 [*jika ada perubahan*];
- (i) Penyata bank bagi tempoh tiga (3) bulan terkini untuk memastikan syarikat mempunyai sumber kewangan yang mencukupi/memuaskan/kukuh-
 - Mencukupi- penyata bank menunjukkan baki kurang daripada RM100 ribu;
 - Memuaskan- penyata bank menunjukkan baki lebih daripada RM100 ribu tetapi kurang daripada RM 1 juta; dan
 - Kukuh- penyata bank menunjukkan baki lebih daripada RM1 juta.
- (ii) Mempunyai sijil 'kursus memasuki ruang terhad sistem pemetungan' sah yang dianjurkan oleh SPAN bersama Persatuan Air Malaysia; dan

- (iii) Mempunyai peralatan/kenderaan dan kemudahan kredit yang relevan untuk menjalankan perkhidmatan.

- **PERMIT IPA JENIS C**

Bagi menjalankan kerja-kerja pembinaan, pemasangan atau pengubahsuaian (*termasuk hot tapping*) kepada mana-mana bahagian suatu:

- Sistem bekalan air;
- Sistem pembedungan; atau
- Sistem bekalan air dan pembedungan.

Bagi kontraktor (iaitu pemegang permit IPA Jenis C) yang ingin menjalankan kerja-kerja *hot tapping* di paip-paip awam untuk menyalurkannya ke mana-mana kawasan atau ke mana-mana premis, mereka perlulah mematuhi syarat-syarat berikut:

- (i) Penebukan pada paip awam **diwajibkan** menggunakan *hot tapping machine* yang diluluskan;
- (ii) Sebelum kerja-kerja dijalankan, kontraktor perlu mendapatkan kelulusan bertulis daripada Operator/ Pihak Berkuasa Air Negeri yang berkaitan. Ini adalah untuk memastikan bahawa Operator/ Pihak Berkuasa Air Negeri yang berkaitan tersedia maklum bahawa kerja-kerja penebukan akan

dilakukan oleh kontraktor pada tarikh dan waktu yang ditetapkan; dan

(iii) Membuat apa-apa bayaran yang dikenakan dan mematuhi semua syarat-syarat yang ditetapkan oleh Operator/ Pihak Berkuasa Air Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan.

Permit ini terbahagi kepada 4 kategori iaitu:

Jenis C1 : Bagi mengusahakan projek atau kerja melebihi RM10,000,000

Jenis C2 : Bagi mengusahakan projek atau kerja melebihi RM2,000,000 tetapi tidak melebihi RM10,000,000

Jenis C3 : Bagi mengusahakan projek atau kerja melebihi RM200,000 tetapi tidak melebihi RM2,000,000

Jenis C4 : Bagi mengusahakan projek atau kerja tidak melebihi RM200,000

- (i) Borang 24, 49, dan 44 [*jika ada perubahan*];
- (ii) Penyata bank bagi tempoh tiga (3) bulan terkini untuk memastikan syarikat mempunyai sumber kewangan yang mencukupi/memuaskan/kukuh-
 - Mencukupi- penyata bank menunjukkan baki kurang daripada RM100 ribu;

- Memuaskan- penyata bank menunjukkan baki lebih daripada RM100 ribu tetapi kurang daripada RM 1 juta; dan
 - Kukuh- penyata bank menunjukkan baki lebih daripada RM1 juta.
- (iii) Bagi **permit C1 dan C2**, pemohon mestilah mempunyai jurutera yang berkelayakan, berpengalaman dan berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia. Bagi kerja-kerja bekalan air, pemohon mestilah mempunyai pekerja yang mempunyai permit IPA jenis A (*permit tukang paip*) atau mengambil khidmat tukang paip yang masih sah perमितnya;
- (iv) Mesti mempunyai pendaftaran yang sah tempohnya dengan CIDB. Gred yang tertera pada sijil perakuan pendaftaran CIDB akan digunakan untuk mengesahkan kategori permit Jenis C. Pemohon hendaklah menaiktaraf gred sijil CIDB sekiranya pemohon ingin melaksanakan kerja-kerja/projek yang mempunyai nilai melebihi gred sijil CIDB. Seperti contoh, gred CIDB pemohon adalah G5 (tidak melebihi RM5 juta) dan permit yang diluluskan adalah C2 (kerja-kerja melebihi RM2 juta tetapi tidak melebihi RM10 juta). Ini bermakna pemohon hanya dibenar untuk mengusahakan projek setakat bernilai RM5 juta sahaja;
- (v) Mempunyai sijil 'kursus memasuki ruang terhad sistem pementungan' sah yang dianjurkan oleh SPAN bersama Persatuan Air Malaysia [*bagi kerja-kerja pementungan*]; dan
- (vi) Mempunyai peralatan/kenderaan dan kemudahan kredit yang relevan untuk menjalankan perkhidmatan.

- **PERMIT IPA JENIS D**

Bagi menjalankan kerja perkhidmatan penyenggaraan bagi sistem bekalan air atau sistem pembedungan tetapi tidak melibatkan pengendalian sistem tersebut.

- (i) Borang 24, 49, dan 44 [*jika ada perubahan*];
- (vii) Penyata bank bagi tempoh tiga (3) bulan terkini untuk memastikan syarikat mempunyai sumber kewangan yang mencukupi/memuaskan/kukuh-
 - Mencukupi- penyata bank menunjukkan baki kurang daripada RM100 ribu;
 - Memuaskan- penyata bank menunjukkan baki lebih daripada RM100 ribu tetapi kurang daripada RM 1 juta; dan
 - Kukuh- penyata bank menunjukkan baki lebih daripada RM1 juta.
- (ii) Bagi kerja-kerja bekalan air, pemohon mestilah mempunyai pekerja yang mempunyai permit IPA jenis A (permit tukang paip) atau mengambil khidmat tukang paip yang masih sah perमितnya;
- (iii) Mempunyai sijil 'kursus memasuki ruang terhad sistem pembedungan' sah yang dianjurkan oleh SPAN bersama Persatuan Air Malaysia [*bagi kerja-kerja pembedungan*]; dan
- (iv) Mempunyai peralatan/kenderaan dan kemudahan kredit yang relevan untuk menjalankan perkhidmatan.

- **PERMIT IPA JENIS E**

Bagi mengusaha, menyedia atau mengadakan perkhidmatan penyahenap cemar.

- (i) Borang 24, 49, dan 44;
- (viii) Penyata bank bagi tempoh tiga (3) bulan terkini untuk memastikan syarikat mempunyai sumber kewangan yang mencukupi/memuaskan/kukuh-
 - Mencukupi- penyata bank menunjukkan baki kurang daripada RM100 ribu;
 - Memuaskan- penyata bank menunjukkan baki lebih daripada RM100 ribu tetapi kurang daripada RM 1 juta; dan
 - Kukuh- penyata bank menunjukkan baki lebih daripada RM1 juta.
- (ii) Surat kelulusan untuk pelupusan nyahenap cemar daripada IWK/ Jabatan Alam Sekitar Negeri/PBT **mesti diperolehi terlebih dahulu**;
- (iii) Mempunyai sijil 'kursus memasuki ruang terhad sistem pembetulan' sah yang dianjurkan oleh SPAN bersama Persatuan Air Malaysia; dan
- (iv) Mempunyai peralatan/kenderaan dan kemudahan kredit yang relevan untuk menjalankan perkhidmatan- Pemohon hendaklah menunjukkan bahawa ianya mempunyai lori tanker untuk melaksanakan perkhidmatan penyahenap cemar. Permit daripada Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan

5. Kesemua permohonan pembaharuan akan disemak samada pemohon-pemohon mempunyai rekod kompaun atau kesalahan atau aduan daripada PBT/agensi perakuan sistem bekalan air/pembetulan.
6. Permohonan pembaharuan akan dilulus/ditolak oleh Jawatankuasa Kerja Pelesenan (di peringkat Pengurusan) yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif. Surat kelulusan/ penolakan bagi permohonan pembaharuan akan dikeluarkan dalam tempoh masa 14 hari dari tarikh dokumen lengkap diterima.
7. Permit yang berasingan akan dikeluarkan bagi menjalankan kerja yang berasingan. Permit yang berasingan juga akan dikeluarkan bagi menjalankan kerja di negeri yang berlainan, kecuali bagi permit IPA jenis C. Sebagai contoh, permit IPA jenis B, D, dan E akan diberi mengikut negeri sementara Permit IPA jenis C berkuatkuasa bagi Semenanjung Malaysia, Wilayah-Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan.
8. Permit IPA jenis B, C, D dan E yang diluluskan adalah sah bagi tempoh satu (1) sehingga tiga (3) tahun dari tarikh pengeluaran permit tersebut. Maka dengan ini, **pemohon perlu memaklumkan Bahagian Pelesenan & Tarif tempoh pembaharuan yang dikehendaki, iaitu satu (1) , dua (2) ataupun tiga (3) tahun.**

9. SPAN akan mengeluarkan Permit IPA Jenis B, C, D dan E setelah bayaran fi memproses permohonan dan fi pemberian permit dibuat kepada SPAN. Fi memproses permohonan dan fi pemberian permit C dan D adalah dichaj berdasarkan kepada tujuan permit diberikan iaitu samada kerja-kerja melibatkan sistem bekalan air atau pembetulan ataupun kedua-duanya.

10. Bagi pemohon yang membuat **pembaharuan melebihi satu (1) tahun**, fi memproses permohonan hanya akan dikenakan sekali sahaja [iaitu sebanyak RM30] manakala fi pemberian permit akan bergantung kepada tempoh pembaharuan yang dipohon. Misalnya, bagi pembaharuan permit C4 bagi tempoh dua(2) tahun, fi pemberian permit adalah sebanyak $RM200 \times 2 = RM400$.

11. Pemohon kemudiannya akan dimaklum mengenai syarat-syarat permit [di bawah subkaedah 7(1)] dan syarat-syarat tambahan jika ada, dan akan diminta **mengemuka** permohonan bagi pembaharuan permit **dua (2) bulan sebelum tarikh habis tempoh permit**.

12. Permit akan dihantar oleh SPAN melalui pos atau diambil sendiri oleh pemohon atau wakil (dengan surat perwakilan) di ibu pejabat SPAN ataupun pemohon bolehlah mengemukakan sampul pos ekspres berukuran 353mm x 250mm beralamat sendiri kepada SPAN.

**Bahagian Pelesenan & Tarif
Jabatan Kawalselia Ekonomi & Sosial
19 Mac 2009**

Tatacaramemprosempembaharuanpermit(3)/raa